



Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

Buku Panduan

PERANCANGAN STRATEGIK

Komited, Proaktif, Responsif



1. Apakah itu Perancangan Strategik?

Perancangan strategik merupakan tahap perancangan tertinggi yang melihat halatuju organisasi pada jangka masa panjang sekurang-kurangnya 3 – 5 tahun ke hadapan dengan menyoal dan mencari jawapan tentang apakah (WHAT) yang akan dilakukan pada masa hadapan, bagaimana (HOW), siapa (WHO) yang bertanggungjawab dan bila (WHEN) ianya akan tercapai.

2. Bagaimana merancang secara strategik?

Perancangan strategik harus berdasarkan soalan-soalan berikut:-

- Di mana kita sekarang?
- Ke mana hendak kita tuju?
- Bagaimana kita hendak sampai ke tujuan?

3. Kenapa Perancangan Strategik penting?

- Menentukan keberkesanan program yang dilaksanakan
- Memastikan segala program yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan
- Memupuk budaya kerja berpasukan yang mantap dan berkualiti
- Meningkatkan pencapaian sesuatu program ke tahap yang paling optimum

4. Apakah langkah-langkah penyediaan Pelan Strategik?

1.
Penetapan
VISI

2.
Penggubalan
MISI

3. Kajian
Keperluan /
Isu Utama

4. Analisis
Persekitaran
(SWOT)

5. Senarai
Strategi
Alternatif

6.
Pilih
Strategi

7.
Pembentukan
Matlamat

8. Penerapan
Nilai-nilai
Utama

9. Pelan
Pelaksanaan
Strategik



5. Apakah itu Visi?

Visi mengandungi kenyataan tertinggi yang hendak dicapai oleh sesebuah organisasi dan lazimnya mengandungi maklumat mengenai organisasi, cita-cita, masa, cabaran dan langkah-langkah pencapaian.

PROSES PEMBINAAN VISI

- Berfikir mengenai masa hadapan yang ingin dicapai dalam masa 5 -10 tahun
- Membentuk halatuju yang jelas berdasarkan aktiviti organisasi
- Memberi inspirasi kepada anggota organisasi
- Memutuskan Siapa Kita, Apa Kita Buat, dan Ke Mana Hendak Kita Tuju

6. Apakah itu Misi?

Satu objektif yang ingin dicapai dalam pengertian yang lebih luas atau yang menjelaskan tujuan-tujuan asas organisasi.

PROSES PENGUBALAN MISI

- Penghuraian yang jelas tentang bagaimana untuk merealisasikan wawasan
- Menyenaraikan perkara yang perlu dibuat
- Menetapkan sasaran yang hendak dicapai

7. Apakah itu Kajian Keperluan?

Kajian untuk mengenalpasti isu-isu semasa yang kritikal ataupun sedang hangat diperkatakan oleh masyarakat terhadap organisasi atau aktiviti organisasi.

PELAKSANAAN KAJIAN KEPERLUAN

- Menganalisis persekitaran dalaman dan luaran organisasi
- Mengenalpasti bidang-bidang kritikal bagi mencapai visi dan misi
- Mengenalpasti masalah atau peluang yang berpotensi memberikan kesan kepada prestasi organisasi dan *stakeholders*
- Menggunakan gambaran kejayaan pada masa depan berasaskan fungsi kewujudan organisasi



8. Apakah itu Analisis SWOT?

Analisis SWOT adalah identifikasi pelbagai faktor secara sistematik untuk merumuskan strategi yang dapat memaksimumkan kekuatan (Strengths) dan peluang (Opportunities) serta meminimumkan kelemahan (Weaknesses) dan ancaman (Threats). Analisis SWOT juga membandingkan antara faktor luaran (peluang dan ancaman) dengan faktor dalaman (kekuatan dan kelemahan).

	MEMBANTU PENCAPAIAN OBJEKTIF	MENJEJASKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF
FAKTOR DALAMAN	KEKUATAN (Strengths)	KELEMAHAN (Weaknesses)
FAKTOR LUARAN	PELUANG (Opportunities)	ANCAMAN (Threats)

Rajah Analisis SWOT

9. Bagaimana mengenalpasti strategi alternatif?

Setelah membuat Analisis SWOT, kumpulan perancang hendaklah menjana strategi (Brainstorming) berdasarkan analisis dalaman dan luaran. Semua strategi yang dikenalpasti untuk pelaksanaan hendaklah disenaraikan.

	KEKUATAN	KELEMAHAN
PELUANG	STRATEGI (SO) Gunakan kekuatan untuk merebut peluang	STRATEGI (WO) Atasi kelemahan dengan mengambil peluang yang ada
ANCAMAN	STRATEGI (ST) Gunakan kekuatan bagi menghadapi ancaman (jika ada)	STRATEGI (WT) Cuba minimalkan kelemahan dan elakkan ancaman

10. Apakah dokumen perancangan strategik yang dibangunkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang?

Pelan Strategik Pejabat SUK Pahang (PSPSP) 2009-2012 telah dibangunkan bagi merangka perancangan dan pelan tindakan yang mensasarkan Pejabat SUK Pahang sebagai sebuah organisasi yang cemerlang menjelang tahun 2012 bagi menyokong visi untuk mencapai tahap organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2020

11. Apakah fungsi PSPSP 2009-2012 kepada anggota pejabat?

- Sebagai dokumen rujukan utama bagi setiap pegawai di Pejabat SUK Pahang dalam merangka perancangan bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab unit masing-masing
- Memastikan semua ahli dalam organisasi mempunyai halatuju dan sasaran yang jelas serta dapat mengembleng sumber yang ada dalam organisasi dengan cekap dan berkesan



Handbook PSPSP 2009-2012 telah diedarkan kepada semua warga Pejabat SUK Pahang pada tahun 2010 bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman anggota pejabat terhadap pelan yang dibangunkan. Semua anggota pejabat adalah diminta untuk menyimpan *handbook* tersebut bersama Fail Meja bagi memudahkan rujukan.

12. Apakah Visi Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang?

Menjadi organisasi bertaraf dunia dalam penyampaian perkhidmatan menjelang tahun 2020

13. Apakah Misi Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang?

1. Memantapkan perkhidmatan melalui tadbir urus terbaik
2. Memacu pembangunan ekonomi dan sosial negeri melalui perancangan, penyelarasan dan pemantauan yang berkesan



14. Apakah Moto Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang?

Komited, Proaktif, Responsif

KOMITED	Keterlibatan secara bersungguh-sungguh serta penuh tanggungjawab dan berintegriti dalam melaksanakan tugas bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti penyampaian perkhidmatan
PROAKTIF	Berkemampuan menjangka keperluan dan kehendak pelanggan dan menawarkan penyelesaian dengan cepat, cekap dan tepat
RESPONSIF	Bertindak dengan cepat dan wajar bagi memenuhi kehendak dan keperluan stakeholders serta peka kepada perubahan teknologi persekitaran yang makin mencabar

15. Siapakah *Stakeholders* dan Pelanggan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang?

STAKEHOLDERS		
KDYMM SULTAN PAHANG	YAB MENTERI BESAR	AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

PELANGGAN					
JABATAN/ AGENSI KERAJAAN	PENJAWAT AWAM	ORANG AWAM	PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN	SYARIKAT SWASTA/ PELABUR	WAKIL RAKYAT

16. Apakah isu-isu kritikal yang telah dikenalpasti dalam Pelan Strategik Pejabat SUK Pahang (PSPSP) 2009 - 2012?

- Ekspektasi "*stakeholders*" dan pelanggan yang tinggi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan
- Penekanan terhadap amalan tadbir urus terbaik dalam organisasi
- Pemantapan modal insan – asas penting dalam pembangunan organisasi
- Penggunaan ICT sebagai "*enabler*" bagi peningkatan keberkesanan perkhidmatan
- Keperluan untuk memantapkan aspek perancangan dan pembangunan ekonomi dan sosial negeri



17. Apakah isi kandungan PSPSP 2009-2012?

BAB	KANDUNGAN
1. Pendahuluan	1.1 Sejarah Penubuhan 1.2 Visi, Misi & Moto 1.3 <i>Stakeholders</i> dan Pelanggan 1.4 Struktur Organisasi dan Fungsi
2. Senario Persekitaran	2.1 Isu-isu Kritikal
3. Ke Arah Kecemerlangan Organisasi Menjelang 2012	3.1 Hala Tuju Strategik – Pelan Strategik Pejabat SUK Pahang (PSPSP) 2009-2012 3.2 Strategi dan Pelan Tindakan 3.3 Elemen Penentu Kejayaan 3.4 Pemantauan dan Kajian Semula 3.5 <i>The Way Forward</i>
4. Penutup	4.1 Penutup

18. Apakah strategi teras dan strategi-strategi pelaksanaan yang telah dikenalpasti?

STRATEGI TERAS	STRATEGI-STRATEGI PELAKSANAAN
1. Meningkatkan Keberkesanan Tadbir Urus Organisasi	1. Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2. Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Pentadbiran 3. Memantapkan Pengurusan Pelanggan 4. Meningkatkan Imej Korporat
2. Melahirkan Penjawat Awam Yang Unggul	1. Menetapkan Hala Tuju Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2. Memastikan Kapasiti Organisasi 3. Membangunkan Kompetensi Tenaga Kerja 4. Memantapkan Pengurusan Prestasi, Pengiktirafan dan Ganjaran 5. Pembentukan Budaya Kerja Berprestasi Tinggi
3. Meningkatkan Keberkesanan Penggunaan ICT Dalam Pentadbiran	1. Meningkatkan Keberkesanan Implementasi dan Pembudayaan ICT Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang
4. Memantapkan Perancangan Dan Pembangunan Ekonomi Dan Sosial	1. Meningkatkan Jaringan dan Kemudahsampaian 2. Membesarkan Kapasiti Utiliti 3. Menambahnilai Sektor Produktif 4. Memantapkan Modal Insan 5. Melebarkan Jaringan Sosial 6. Meningkatkan Kualiti Hidup 7. Memantapkan Pelaburan Swasta di Tanah Kerajaan

19. Bagaimana pelan tindakan bagi setiap strategi teras dihuraikan dalam PSPSP 2009-2012?

Bagi setiap strategi teras yang dikenalpasti, strategi-strategi pelaksanaan, program dan aktiviti, indikator pencapaian, sasaran pencapaian serta bahagian/unit yang bertanggungjawab telah ditetapkan seperti berikut:-

PERANCANGAN STRATEGIK (TAHUN 2009-2012)

STRATEGI	PROGRAM/ AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN/ TAHUN	PELAKSANA

20. Apakah program – program Perancangan Strategik yang telah dijalankan sebelum ini?

Kronologi Program Perancangan Strategik

TARIKH	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT
25-28 JULAI 2008	Bengkel Perancangan Strategik Peringkat Negeri Pahang	Hotel Seri Malaysia, Genting Highlands
29 JANUARI 2009	Pembentangan Draf Pelan Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Bilik Gerakan Negeri
13 APRIL 2009	Mesyuarat Transformasi Pengurusan SUK Negeri Pahang	Bilik Gerakan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan
27-28 APRIL 2009	Bengkel Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Hotel MS Garden, Kuantan
8 MEI 2009	Jemputan Menghadiri Perbincangan Kajian Transformasi Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (SUKNP)	Bilik Latihan BPSM
12 JUN 2009	Taklimat Motivasi Transformasi Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Dewan PSDC
29 JUN 2009	Penubuhan Pasukan Petugas Khas Penyediaan Pelan Strategik Pejabat SUK Pahang	
23 JULAI 2009	Perbincangan Mengenai Pelan Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Bilik Mesyuarat Kualiti, Unit Korporat

TARIKH	PROGRAM/AKTIVITI	TEMPAT
5 OGOS 2009	Perbincangan Mengenai Pelan Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Bilik Mesyuarat Kualiti, Unit Korporat
11 OGOS 2009	Perkongsian Pemahaman Draf Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Bilik Latihan B BPSM
17 SEPTEMBER 2009	Perkongsian Pemahaman Draf Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang Bil 2/2009	Bilik Mesyuarat Integriti
17 SEPTEMBER 2009	Perkongsian Pemahaman Draf Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang Bil 3/2009	Bilik Mesyuarat Integriti
30 JANUARI 2010	Penyediaan Laporan Pencapaian PSPSP 2009-2012 (sehingga bulan Januari 2010)	
28 JULAI 2010	Kajian Impak Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	Bilik Mesyuarat BPEN
31 JULAI 2010	Penyediaan Laporan Pencapaian PSPSP 2009-2012 (sehingga bulan Jun 2010)	
23 SEPTEMBER 2010	Edaran 'Handbook' Buku Pelan Strategik Pejabat SUK Pahang (PSPSP)	
30 JANUARI 2011	Penyediaan Laporan Pencapaian PSPSP 2009-2012 (sehingga bulan Januari 2011)	
15 MAC 2011	Kajian Semula Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (PSPSP) 2009-2012	
31 JULAI 2011	Penyediaan Laporan Pencapaian PSPSP 2009-2012 (sehingga bulan Jun 2011)	
15 OGOS 2011	Mesyuarat Kajian Semula Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang (PSPSP) 2009-2012	Bilik Mesyuarat BPEN

RUJUKAN LANJUTAN

1. Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Pahang
<http://www.pahang.gov.my>
(Menu SUK Pahang > Pelan Strategik)
2. Manual Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja Bagi Sektor Awam
<http://www.mampu.gov.my/web/guest/RundingPerancangan>

